



(A) Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul.

- menutupi
- suhu bumi
- glasier
- 2.5
- 11 700
- daratan
- lautan
- meningkat
- benua

1. Zaman Air Batu merupakan zaman ketika air batu _____ permukaan bumi.
2. Zaman ini dianggarkan bermula antara _____ juta hingga _____ tahun dahulu.
3. Pada ketika itu, iklim bumi amat sejuk. Namun, apabila suhu bumi _____, air batu mula cair.
4. Faktor itu menyebabkan berlaku pergerakan glasier yang pertama sehingga menyebabkan wujud _____ dan lautan.
5. _____ ialah timbunan besar ais yang bergerak perlahan-lahan menuruni cerun atau merebak ke permukaan laut.
6. _____ semakin meningkat menyebabkan berlaku pergerakan glasier kali kedua.
7. Pergerakan glasier kali kedua menyebabkan pembentukan tujuh _____ dan tujuh lautan.

(B) Jawab soalan di bawah.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Zaman Air Batu?

2. Apakah yang berlaku apabila suhu bumi meningkat?

3. Nyatakan kesan pencairan air batu.
